


# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (Dalam Negeri)

TARIKH: 25 MAC 2018

MUKA SURAT : 15

## EKSPLO JUALAN PERUMAHAN EDISI NASIONAL



- Berlangsung 24 Mac hingga 1 April 2018.
- Diadakan di Dewan Tun Abdul Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).
- 120 gerai pameran dibuka.
- Melibatkan produk perumahan PRIMA; Kementerian Kesejahteraan,

Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (Rumawip).

- Cabutan bertuah setiap hari.
- Hadiah utama meliputi dua unit rumah, kereta dan motosikal.

## 16,000 unit PRIMA terjual dalam 2 tahun - Abdul Mutalib

Oleh SYUKRI SHAARI  
penegarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 24 Mac** - sebanyak 16,000 unit Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA) di seluruh negara telah terjual dalam tempoh dua tahun dengan nilai pembangunan kasar mencecah RM4 bilion.

Selain itu, sehingga ke hari ini, Anggota Perbadanan (MOC) PRIMA juga telah meluluskan pembangunan lebih daripada 267,640 unit rumah di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif PRIMA, Datuk Abdul Mutalib Alias berkata, pencapaian itu memberi gambaran jelas komitmen kerajaan membina 500,000 rumah untuk rakyat khususnya golongan berpendapatan sederhana (M40) menerusi Agenda Perumahan Negara berada di landasan yang betul.

"Ini juga bagi menyokong usaha kerajaan membina satu juta rumah mampu milik di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dan Dasar Perumahan Negara.

"Lebih lagi, Agenda Perumahan Negara akan mewujudkan kesan berangkai yang bukan sahaja memberi manfaat kepada rakyat tetapi juga menyumbang terhadap transformasi sosioekonomi negara secara keseluruhannya," katanya.



ABDUL MUTALIB

**PRIMA**  
RUMAHKU, KOMUNITIKU

ekspo berkenaan.

Katanya, terdapat 120 gerai pempamer yang memaparkan

pelbagai projek perumahan di seluruh negara.

"Kita mahu rakyat datang, kalau ada mana-mana unit yang dirasakan sesuai, pengunjung oleh terus menempah. Kita ada sediakan pusat sehenti untuk mereka buat tempahan dan menandatangani perjanjian jual beli," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan bersempena dengan pelancaran Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional di Dewan Tun Abdul Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Sebagai rekod, projek PRIMA @Jalan Jubilee di Bukit Bintang merupakan yang paling berjaya apabila telah terjual sebanyak 224 unit daripada 542 unit dalam tempoh tiga hari selepas dibuka untuk jualan.

Dalam pada itu, ketika ditemui selepas majlis pelancaran, Abdul Mutalib menyeru orang ramai yang sedang mencari rumah dengan harga mampu milik untuk hadir ke